

# Dua perkara mesti difikir oleh Wanita UMNO - Aishah Ghani

KUALA LUMPUR, Isnin — Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia, Datin Paduka Hajah Aishah Ghani hari ini menegaskan, Wanita UMNO kini perlu memikirkan dua perkara.

Pertama, bagaimana hendak meningkat dan menambahkan lagi bilangan kerusi untuk wanita dalam kabinet dan kedua, bagaimana hendak berusaha membantu Barisan Nasional mencapai kemenangan dalam pilihanraya nanti.

Menurut Datin Paduka Hajah Aishah Ghani, perkara-perkara lain selain dari dua perkara utama ini tidak perlu diheboh-heboh dan diperbincangkan oleh ahli-ahli Wanita UMNO.

"Sebenarnya masalah yang kecil-kecil yang timbul sekarang ini boleh diselesaikan melalui perhimpunan agung kelak," lambah beliau.

Ketika mengulas kedudukan beliau

sebagai Ketua Pergerakan Wanita UMNO, beliau menjelaskan, "kalau saya masih dikehendaki dan saya rasa saya masih mampu, saya akan meneruskan perjuangan ini dan memenuhi kehendak orang ramai".

Beliau menambah, sebenarnya pendirian inilah yang harus ada di hati setiap pemimpin Wanita UMNO khasnya dan ahli-ahlinya amnya supaya segala perkara yang tidak diinginkan dapat dielakkan.

Menurutnya, beliau bersetuju dengan saranan yang menyeru ahli-ahli UMNO memperbaiki tekad mereka dalam perjuangan dan sentiasa bersatu padu demi kesejahteraan parti.